

# **POLISI LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**

---

- 1. DEFINISI**
- 2. KENYATAAN POLISI**
- 3. TUJUAN POLISI**
- 4. SKOP PEMAKAIAN**
- 5. LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**
- 6. TINDAKAN TERHADAP PENERIMAAN HADIAH**
- 7. PENGECUALIAN TERHADAP POLISI**
- 8. TINDAKAN / PENALTI**
- 9. TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN TERTINGGI DAN KETUA JABATAN**
- 10. TARIKH KUAT KUASA**
- 11. PENUTUP**
- 12. RUJUKAN**

## **1. DEFINISI**

### **Hadiah :**

**Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998** mendefinisikan hadiah sebagai wang, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu atau orang-orang lain (isteri/suami, ibubapa kandung atau mertua dan anak-anak).

### **Tajaan / Sumbangan / Derma / Elaun :**

Merujuk kepada sebarang tajaan, sumbangan atau pemberian yang diberikan oleh ahli politik / pihak swasta / Korporat bagi menjayakan sesuatu projek atau program di Kementerian.

## **2. KENYATAAN POLISI**

Melalui pelaksanaan **Polisi Larangan Penerimaan Hadiah** ini, maka Kementerian Pertahanan berpendirian tegas dan **MELARANG** semua pegawai dan kakitangan terlibat dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah daripada orang atau pihak yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan Kementerian ini.

Larangan tersebut merujuk kepada pemberian dan penerimaan hadiah yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan Kementerian ini; dan pemberian dan penerimaan tersebut melibatkan bentuk, amaun atau nilai hadiah yang tidak sepadan dengan maksud hadiah tersebut.

## **3. TUJUAN POLISI**

Amalan menerima dan memberi hadiah telah menjadi budaya sehingga menyukarkan penjawat awam membezakan sama ada pemberian dan penerimaan tersebut merupakan penghargaan, persahabatan, balasan, ganjaran, keistimewaan atas sesuatu hubungan kerja, urusan rasmi atau perkhidmatan.

Sehubungan itu, polisi ini diadakan sebagai rujukan dan makluman mengenai pelaksanaan **Polisi Larangan Penerimaan Hadiah** di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan Kementerian.

Polisi ini juga diadakan dengan tujuan meningkatkan integriti di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian dan seterusnya meningkatkan imej Kementerian Pertahanan.

#### **4. SKOP PEMAKAIAN**

Polisi ini adalah terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan sepanjang tempoh perkhidmatannya dan termasuk pihak-pihak yang berurusan dengan kakitangan Kementerian Pertahanan.

#### **5. LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**

Pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dilarang daripada menerima apa-apa hadiah termasuk penajaan daripada kontraktor, *vendor*, pembekal, rakan niaga serta sumbangan sekiranya berkaitan dengan pelaksanaan tugas rasminya atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi.

Perkara ini tertakluk di bawah peraturan-peraturan berikut:

- **Peraturan 8 (1) (a) dan (b) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A)395/1993);**
- **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998;**
- **Seksyen 16, 17, 20, 21 23 dan 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]; dan**
- **Seksyen 161, 162,165,213,214 dan 215 Kanun Keseksaan [Akta 574]**

#### **6. TINDAKAN TERHADAP PENERIMAAN HADIAH**

Pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan adalah disarankan untuk mengambil tindakan berikut apabila menerima hadiah daripada mana-mana pihak-pihak yang berurusan dengan Kementerian:

➤ **Menolak Hadiah:**

Apabila terdapat situasi percanggahan kepentingan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan hendaklah memulangkan hadiah tersebut secara sopan dengan menerangkan polisi **Larangan Penerimaan Hadiah Kementerian Pertahanan**. Ketua Jabatan turut bertanggungjawab untuk tidak meluluskan penerimaan hadiah tersebut.

➤ **Menerima Hadiah:**

Pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan boleh menerima hadiah apabila berada dalam keadaan berikut:

- terpaksa menerima hadiah atas dasar budaya tertentu (seperti majlis keraian, perayaan, perkahwinan dll); atau
- situasi di mana pemberian hadiah merupakan sebahagian daripada etika perniagaan; atau
- bagi mengelak daripada mengaibkan pihak pemberi; atau
- boleh menyebabkan hubungan diplomasi terjejas antara kedua-dua pihak.

Pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan hendaklah merekodkan penerimaan dalam buku daftar penerimaan hadiah serta mengemukakan borang permohonan (*seperti di Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 1998*) kepada Ketua Jabatan yang kemudiannya akan membuat keputusan sama ada untuk meluluskan penerimaan tersebut atau mengarahkan untuk memulangkannya.

- Sekiranya Ketua Jabatan meluluskan penerimaan hadiah tersebut, Ketua Jabatan hendaklah memastikan sama ada:
- mendermakan hadiah tersebut kepada badan amal; atau
  - menyimpannya untuk pameran di pejabat; atau
  - berkongsi sesama warga jabatan; atau
  - membenarkan pegawai yang menerima menyimpannya.


Dalam membuat keputusan, Ketua Jabatan hendaklah mempertimbangkan perkara berikut:

- penerimaan hadiah tersebut tidak melanggar mana-mana peraturan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
- penerimaan hadiah tersebut tidak menimbulkan syak pegawai atau kakitangan telah menggunakan kedudukan awamnya untuk memperolehi hadiah tersebut;
- kekerapan pegawai atau kakitangan tersebut menerima hadiah;
- hubungan antara pegawai atau kakitangan dengan orang atau pihak yang memberi hadiah; dan
- kepentingan Kementerian secara keseluruhan.

[Rujuk Silang Perkara 9 Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 1998]

[Rujuk Carta Alir Penerimaan Hadiah]

### **Carta Alir 1: Penerimaan Hadiah**



## **7. PENGECUALIAN TERHADAP POLISI**

Terdapat beberapa pengecualian yang membenarkan penerimaan hadiah dalam situasi-situasi berikut:

- Pertukaran hadiah adalah antara Kementerian Pertahanan dan organisasi lain ketika lawatan rasmi/kunjungan hormat (yang mana hadiah tersebut akan dikategorikan sebagai harta Kementerian);
- Hadiah daripada Kementerian Pertahanan kepada institusi luar atau individu-individu berkaitan fungsi rasmi Kementerian, majlis-majlis dan keraian (cenderahati yang diberikan kepada semua tetamu yang menghadiri majlis tersebut);

- Hadiah daripada Kementerian kepada warga dan pengarah dan/atau ahli keluarga mereka berkaitan fungsi Kementerian yang telah dikenali sama ada dalaman atau luaran, majlis atau keraian (sebagai pengiktirafan terhadap khidmat warga-warga/pengarah-pengarah);
- Hadiah token yang nominal biasanya mempunyai logo Kementerian seperti kemeja-T, pen, diari, calendar, pemacu USB dan lain-lain barang promosi) yang diberikan secara saksama kepada orang awam, delegasi, pelanggan, rakan niaga dan pihak berkepentingan utama yang menghadiri majlis-majlis seperti persidangan, pameran, latihan dan lain-lain; dan
- Hadiah kepada pihak luaran yang tidak mempunyai transaksi urusniaga dengan Kementerian (hadiah kewangan atau hadiah seumpamanya kepada badan amal).

## **8. TINDAKAN / PENALTI**

Mana-mana pegawai dan kakitangan yang ingkar atau gagal mematuhi Polisi Larangan Penerimaan Hadiah ini boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993, maka tindakan tatatertib yang sewajarnya boleh dikenakan.

Mana-mana kontraktor, *vendor* dan pembekal yang didapati dan dibuktikan telah melanggar polisi ini akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau mana-mana badan pengawal berkaitan untuk tindakan.

## **9. TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN TERTINGGI DAN KETUA JABATAN**

- Memastikan pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan mematuhi Polisi **Larangan Penerimaan Hadiah**.
- Memastikan pihak-pihak yang berurusan dengan wakil Kementerian mengetahui dan menghormati Polisi **Larangan Penerimaan Hadiah**.
- Sekiranya timbul keraguan, Ketua Jabatan boleh meminta penjelasan daripada pegawai berkenaan.
- Ketua Jabatan hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa tatatertib atau mana-mana pihak berkuasa lain, sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran terhadap apa-apa peraturan atau undang-undang berkaitan Polisi Larangan Penerimaan Hadiah oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

## **10. TARIKH KUAT KUASA**

Pelaksanaan Polisi Larangan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Kementerian Pertahanan **berkuatkuasa mulai 21 Mac 2019.**

## **11. PENUTUP**

Diharap garis panduan ini dapat membantu pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dalam meningkatkan teras integriti.

## **12. RUJUKAN**

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A)395/1993);
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998;
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009; dan
- Kanun Keseksaan